

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/1991

Oktober/November 1990

BST 421/3: EKOLOGI SUMBER ALAM

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BST 421/3)

1. Pembinaan empangan merupakan satu cara yang mudah untuk mendapat sumber air. Bincangkan impak-impak persekitaran pembinaan empangan.

(20 markah)

2. Kajian El-Nido di pulau Palawan, Filipina pada tahun 1988 telah menonjolkan beberapa aspek konflik penggunaan sumber alam. Bincangkan konflik-konflik berkenaan serta kepentingan kajian ini terhadap pengurusan sumber alam.

(20 markah)

3. Kegagalan tamaddun awal telah dikiatkan dengan masalah kemerosotan kualiti tanah oleh sebilangan penyelidik. Apakah pendapat anda tentang perkara ini? Bincangkan punca-punca yang menyebabkan kemerosotan kualiti tanah di dunia pada masa kini.

(20 markah)

4. Mengikut Myers (1984), kegiatan-kegiatan manusia adalah punca utama yang mengancam kawasan hutan tropika. Nyatakan kegiatan-kegiatan tersebut dan apakah masalah ekologi yang terkiat dengan kegiatan-kegiatan itu. Cadangkan bagaimana anda boleh mengurus sumber hutan di Malaysia supaya hutan yang sedia ada dapat menampung keperluan masa hadapan tanpa pengurangan kawasan hutan.

(BST 421/3)

5. Sumber tenaga dibahagikan kepada sumber yang boleh diperbaharui dan yang tidak boleh diperbaharui. Beri keterangan serta contoh-contoh bagi kedua-dua sumber tenaga ini. Berdasarkan satu contoh yang anda pilih dari tiap-tiap sumber di atas apakah masalah-masalah yang dihadapi terkait dengan penggunaan sumber-sumber itu.

(20 markah)

6. Manusia memanipulasikan ekosistem untuk menerokai sumber alam bagi keperluannya. Dengan menggunakan satu contoh ekosistem spesifik bincangkan kesan manipulasi ini terhadap ekosistem.

(20 markah)

-ooo0ooo-